

Zakaria Stapa

Profesor Emeritus Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli Psikologi Perkembangan menyatakan bahawa perkataan “remaja” kerap dirujuk sebagai suatu tempoh transisi di antara fasa kanak-kanak dengan fasa dewasa dalam kitaran kehidupan seseorang. Tempoh tersebut dibahagikan kepada kumpulan remaja awal dan kumpulan remaja akhir. Kumpulan remaja awal ialah kelompok yang berusia antara 12 hingga 16 atau 18 tahun, manakala kumpulan remaja akhir yang juga diistilahkan sebagai belia merujuk kelompok yang berusia antara 16 hingga 25 tahun.

Hal ini bermaksud bahawa istilah remaja merangkumi mereka yang berada pada peringkat umur antara 12 hingga 25 tahun. Dalam konteks negara Malaysia, kelompok ini tentunya merupakan mereka yang masih di bangku sekolah atau institusi pengajian tinggi, serta mereka yang sudah tercicir dari alam persekolahan, sama ada sedang bekerja di pelbagai sektor atau yang sedang menganggur.

Perubahan dalam pelbagai aspek sosiologi

Menurut ahli psikologi, pada usia ini seseorang manusia sedang mengalami suatu perubahan yang amat pesat sama ada dari



**Pengukuhan
Jati Diri
Remaja Muslim
Semasa**



segi fizikal, emosi dan juga sosial. Mereka mula terdedah kepada alam yang luas di luar rumah, malah persekitaran sudah menjadi rumah kedua mereka. Dari segi proses pembelajaran, mereka mula belajar banyak perkara. Bukan hanya didikan daripada ibu bapa, tetapi juga daripada persekitaran sosial mereka. Pada masa inilah golongan remaja mulai berubah tingkah laku, sikap, nilai, malahan seluruh cara hidup dari alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa.

Tidak dapat dinafikan bahawa kelompok remaja merupakan aset dan potensi yang amat perlu dipelihara kerana masa depan sesebuah masyarakat dan negara terletak sepenuhnya di atas bahu mereka. Mereka merupakan pewaris sah tamadun kini untuk dilanjutkan dan dipertingkatkan mutunya, bukannya melakukan perkara yang boleh meruntuhkan semua yang sudah sedia dibina pada masa akan datang. Maka itu, kita mesti mengambil berat tentang mereka kerana sudah tentu kita tidak mahu menghasilkan generasi yang jahil sebagaimana yang berlaku di Barat.

Islam sebagai asas pendidikan

Dalam konteks remaja Muslim, mereka perlulah diberikan kefahaman yang tepat bahawa sesungguhnya agama Islam yang mereka anuti itu merupakan satu cara dan sistem hidup yang komprehensif. Islam merupakan agama yang suci dan sempurna, sehingga tidak ada agama yang dapat mengatasinya. Perihal ini mesti diyakini sepenuhnya tanpa sekelumit rasa keraguan oleh setiap umat Islam.

Setiap Muslim tidak perlu tercari-cari gaya dan cara hidup lain di luar kerangka besar sistem keagamaan Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam telah dilengkapi dengan segala aspek kehidupan yang hakiki, bukannya secara palsu atau diada-adakan oleh manusia daripada sekecil-kecil perkara hinggalah kepada yang sebesar-besarnya. Sesungguhnya agama Islam telah lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan

kerana Islam merupakan agama ciptaan Allah SWT dan manusia juga dicipta oleh-Nya. Allah SWT Maha Mengetahui akan keperluan makhluk ciptaan-Nya lalu menyediakan keperluan hidup manusia tersebut dalam sistem dan cara hidup yang dikhususkan untuk manusia, iaitu agama Islam.

Memperkuh akidah golongan remaja

Hari ini golongan remaja terdedah dengan pelbagai rintangan dan cabaran yang berbeza dengan kelompok generasi terdahulu. Golongan ini berdepan dengan cabaran getir demi mempertahankan keyakinan dan jati diri keislamannya, iaitu mahu terus tegap berpegang serta mengamalkan segala yang terungkap dalam kerangka besar sistem Islam.

Berdasarkan kefahaman terhadap fenomena dan senario semasa, maka cabaran utama yang perlu didepani dengan serius, penuh keberanian dan bijaksana ialah cabaran pengukuhan pegangan akidah. Kelompok remaja ini merupakan aset berharga yang akan mencorak dan menentukan kemandirian ummah pada masa hadapan. Pengukuhan pegangan akidah ini menjadi isu yang amat mendesak hasil daripada fenomena kehidupan harian masa ini yang sebahagian besar aktivitiya diberikan corak dan pewarnaan oleh fahaman pascamodenisme. Antara ciri yang terdapat padanya termasuklah membuat pelbagai serangan ke atas semua bentuk keyakinan yang

Produk kemanusiaan daripada kecanggihan teknologi pascamoden yang terhubung secara langsung dengan ancaman dan gugatan terhadap akidah umat Islam itu boleh diperhatikan dengan baik dalam persekitaran kehidupan masa ini di negara kita.



mengatakan bahawa terdapat suatu kebenaran yang mutlak, sama ada kebenaran tersebut diasaskan kepada wahyu Allah atau usaha akal rasional kemanusiaan.

Hal ini bermaksud bahawa ciri yang mendasari falsafah atau pegangan fahaman pascamodenisme tersebut merujuk penafian semua bentuk kebenaran mutlak. Bagi mereka kebenaran mutlak tidak wujud, yang ada semuanya nisbi atau relatif. Inilah juga ekspresi terkini daripada sekularisme Barat. Dasar falsafah yang sebegini apabila diterapkan ke dalam segenap aspek kehidupan, maka akan timbul kekacauan dan kecelaruan nilai. Manusia boleh berbuat apa-apa sahaja kerana nilai kebenaran sudah menjadi nisbi.

Zaman pascamoden dan fahaman pascamodenisme yang lahir pada peringkat akhir abad ke-20 ini ditandai kehebatannya oleh unsur upaya kesejagatan planet bumi, iaitu

dalam pengertian bahawa dunia persis sebuah kampung, kerana segala hambatan dan sekatan perbatasan yang dicipta sejak munculnya negara bangsa kira-kira 500 tahun yang lalu telah berjaya dilangkau. Inilah yang diistilahkan sebagai era globalisasi. Segalanya menjadi mungkin hasil daripada revolusi hebat yang berlangsung dalam bidang teknologi maklumat yang bergabung pula dengan teknologi telekomunikasi dan satelit. Inti sari ini terungkap dalam istilah "dunia tanpa sempadan" yang menandakan berakhirnya zaman moden untuk diganti dengan zaman pascamoden. Globalisasi atau kesejagatan dengan maksud "kampung global" yang cuba mengisytiharkan pengakhiran negara bangsa ternyata menjadi sifat utama yang mentakrifkan zaman sejak akhir abad ke-20 dan seterusnya. Hal ini bermakna bahawa mana-mana masyarakat juga di dunia ini terdedah secara terus-terusan kepada apa-apa jua bentuk penyiaran asing tanpa

dapat dibuat sebarang tapisan secara berkesan.

Demikianlah sebahagian daripada senario masa ini yang sedang didepani oleh umat Islam, termasuk di negara kita. Dan dalam hubungan ini, apabila kita mengingatkan kembali kecanggihan proses globalisasi yang disediakan oleh zaman pascamoden sekarang yang nafas serta pengisiannya disempurnakan oleh tamadun yang berfahaman pascamodenisme, maka secara segera dapat difahami bahawa pada sisi itulah berpusatnya ancaman dan gugatan terhadap pegangan akidah umat Islam seluruhnya. Fahaman dan pemikiran pascamodenisme sememangnya fahaman yang bersifat antiagama dan anti-Tuhan, kerana hal tersebut merupakan lanjutan dan edisi baharu kepada fahaman sekularisme Barat moden. Proses sekularisasi itu sebenarnya tidak lain daripada proses pembebasan manusia daripada

kongkongan agama dan kawalan metafizik.

Edisi baharu sekularisme, iaitu fahaman pascamodenisme, tentulah tidak kurang daripada edisi lamanya, dan malah tentu sekali ada tambahan tertentu yang jauh lebih hebat. Maka itu, aspek antiagama dan pembebasan manusia daripada kawalan agama dan metafizik sudah tentu merupakan tunjang utama edisi baharu sekularisme tersebut yang diwarisi daripada edisi lama. Malah, edisi baharu ini juga menafikan semua bentuk kebenaran mutlak, yang ada semuanya nisbi atau relatif belaka.

Sekali lagi dapat diperhatikan di sini bahawa risiko semua peralatan canggih ini terhadap pegangan akidah dan penghayatan akhlak umat Islam adalah kerana ruangnya diisi dengan agenda dan menjadi alat penyebaran fahaman yang tidak selaras dengan nilai dan pegangan murni tamadun Islam. Malahan, produk kemanusiaan daripada kecanggihan teknologi pascamoden yang terhubung secara langsung dengan

ancaman dan gugatan terhadap akidah umat Islam itu boleh diperhatikan dengan baik dalam persekitaran kehidupan masa ini di negara kita.

Aspek ketumpulan misalnya, malahan ketiadaan kesan bermakna "kawalan metafizik" terhadap kelakuan sebahagian Muslim di tanah air kita masa ini, tentunya merupakan satu manifestasi kejayaan gemilang fahaman sekularisme pascamoden. Gejala keruntuhan moral yang melanda masyarakat Muslim Malaysia kebelakangan ini sebenarnya terhubung langsung dengan perihal yang dibicarakan di sini. Cukup sukar untuk digambarkan seseorang Muslim yang dikawal oleh kawalan metafizik akan sanggup melakukan kerja yang dikutuk oleh agama. Maka itu, sikap sebahagian Muslim yang terlibat dalam jenayah berat keagamaan seolah-olah tidak takut dengan ancaman neraka dan tidak tertarik kepada tawaran syurga di akhirat. Begitu juga sikap manusia yang seolah-olah tidak yakin dengan kewujudan malaikat yang mencatat amalan jahat dan amalan baik. Semuanya

ini menggambarkan kawalan metafizik yang disediakan oleh rukun iman sudah berjaya dibebaskan daripada menguasai, atau paling kurang mempengaruhi diri manusia Muslim, iaitu satu kejayaan proses sekularisasi. Demikian juga manusia yang

sanggup menganggap bahan hedonistik serta kebebasan bergaul tanpa batas itu merupakan sesuatu yang lumrah. Gejala tersebut boleh diperhatikan dengan baik perkembangannya dalam masyarakat Muslim Malaysia kini.

Dalam konteks keseluruhan perbincangan dalam tulisan ringkas ini, maka golongan remaja Muslim semasa amat perlu diberikan pendedahan yang cukup, kefahaman yang mantap serta kesedaran sepenuhnya tentang cabaran yang mereka perlu hadapi. Perkara tersebut perlu agar mereka benar-benar bersedia daripada segenap aspek diri sama ada fizikal atau mental untuk menghadapi dan merentasi cabaran tersebut dengan penuh semangat juang dan komitmen padu serta tidak berbelah bahagi sehingga jati diri keislaman mereka berupaya tegak seutuhnya.

Dalam konteks kefahaman yang sama juga, fokus khusus kepada golongan remaja ini disebabkan asas bahawa mereka merupakan golongan strategik dan utama. Mereka merupakan kumpulan yang boleh dianggap sebagai *hardcore* yang perlu diberikan perhatian bagi maksud mempergunakan sepenuhnya potensi yang mereka miliki demi kepentingan dan kesejahteraan masa depan ummah. Oleh itu, mereka perlu muncul sebagai satu angkatan ummah yang berada di barisan hadapan dengan kekentalan pegangan dan penghayatan akidah yang berupaya mengetepikan aliran *mulhid* yang dibawa oleh fahaman pascamodenisme tersebut. ☺

